

# Penduduk mohon perpustakaan awam

**SEPANG** – Permohonan mewujudkan sebuah perpustakaan awam yang diajukan kepada ahli majlis, wakil rakyat, pihak berkuasa tempatan (PBT), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Pejabat Menteri Besar sejak 2009 didakwa terus sunyi tanpa khabar.

Wakil penduduk, Mohd Iqbal S.M Ariff berkata, penduduk termasuk ibu bapa dan pelajar di kawasan berkenaan sememangnya memerlukan sebuah perpustakaan sebagai sumber mendapatkan bacaan dan maklumat lain.

"Di Bandar Baru Selak Tinggi sahaja ada kira-kira tujuh sekolah dan lapan taman perumahan, jadi adalah satu keperluan sebuah perpustakaan diwujudkan di kawasan ini.

"Ternyata, keperluan sebuah perpustakaan lebih dirasai apabila tibanya musim cuti sekolah memandangkan masa anak-anak lebih banyak terluang," katanya.

Menurutnya, ketika permohonan dilakukan empat tahun lalu, pihak berwajib memaklumkan tiada lokasi sesuai untuk membangunkan perpustakaan di situ.

"Jadi kami berusaha dan berjaya mendapatkan kelulusan lot tanah bagi pembinaannya dari Pejabat Tanah dan Daerah Sepang.

"Tetapi, setelah lot tanah terbabit diluluskan, alasan tiada peruntukan pula diberikan kepada kami," katanya.

Mohd Iqbal berkata, hanya Sepang



**Iqbal menunjukkan beberapa surat permohonan yang diajukan kepada pelbagai pihak sejak 2009 bagi memohon pembinaan perpustakaan awam di daerah Sepang.**

sahaja yang tidak mempunyai perpustakaan daripada sembilan daerah yang ada di Selangor.

"Sehingga hari ini, bukan sahaja sebuah perpustakaan awam, perpustakaan bergerak juga masih tiada lagi di sini.

"Kami telah lama menunggu perpustakaan di daerah ini dan mengharapkan simpati pihak berwajib memberi pertimbangan wajar untuk merealisasikannya," katanya.

Sementara itu, Mohd Radi Abdul

Wahad berkata, dengan adanya perpustakaan, ibu bapa akan rasa anak mereka lebih selamat meluangkan masa di pusat ilmu berkenaan.

"Selain sekolah, perpustakaan juga adalah tempat menimba ilmu dengan pelbagai bahan rujukan dan bacaan.

"Perpustakaan sementara atau perpustakaan bergerak sudah memadai untuk kami di sini sementara menanti terbinaanya perpustakaan awam yang serba lengkap," katanya.